



KENYATAAN MEDIA HARI KE-24

SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SABAH SELAKU Pengerusi SABAH COVID-19 COMMAND CENTRE

BANTUAN *FACE MASKS* UNTUK KEGUNAAN ISI RUMAH DI SELURUH NEGERI SABAH

Pada hari ini, 10 April 2020, Kerajaan Negeri telah menerima **tiga (3) juta helai *face masks*** yang diterbangkan khas dari Kuala Lumpur oleh pesawat Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM). Bekalan *face masks* ini merupakan bantuan daripada Kerajaan Persekutuan untuk kegunaan semua isi rumah di seluruh Negeri Sabah.

Pengagihan kepada semua isi rumah akan diselaraskan oleh Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah (JPBD) berdasarkan statistik terkini yang dibekalkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia. Setiap isi rumah akan memperolehi **empat (4) helai *face masks*** untuk kegunaan ahli keluarga yang mempunyai simptom seperti batuk, selsema dan demam.

Kerajaan Negeri ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Kerajaan Persekutuan melalui Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) dan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) yang telah menyelaras penerbangan khas ke Negeri Sabah bagi tujuan ini. Penghargaan juga diberikan kepada Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM), Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dan Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) yang memberi bantuan logistik bagi memastikan kelancaran pengagihan bantuan tersebut kepada rakyat.

**SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SABAH
10 April 2020 | 12.00 Tengah Hari**

LAMPIRAN

